



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JPS Updates

EDISI OKTOBER 2022

#KELUARGA
MALAYSIA



**YANG DI-PERTUAN AGONG
BERCEMAR DULI
KE PUSAT RAMALAN
AMARAN BANJIR NEGARA**



*Selamat Menyambut Hari
Deepavali 2022*

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' Ir. Dr. HJ. MD. NASIR BIN MD. NOH

PENYELARAS

MEJAR (K) DATO' Ir. Dr. HJ. AHMAD ANUAR BIN OTHMAN, DPMP, P.ENG, FIEM, ACPE, MIQM, MRCA, CCPM, MMSET, PMP ®

KETUA EDITOR

Ir. Ts. HAJAH NORLIDA BINTI MAMAD @ SAMAD

EDITOR

Ir. WAN HASITINAZIAH BINTI MOHD HASSAN

PENOLONG EDITOR

PUTERI ROZLINA BT. HJ. ABD. RAHMAN A.A.P

WAN SYAMSAFARIZA IZAWANE BINTI WAN MOHD FIKRI

MUHAMAD BAZLI BIN YAHDYA
MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR

Isi kandungan Menarik di dalam

- 3 DARI TINTA KETUA EDITOR
- 4 LAWATAN KP JPS MALAYSIA KE KAWASAN SPANG LOI, SEGAMAT, JOHOR
- 6 SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH JERANTUT, PAHANG
- 8 YANG DI-PERTUAN AGONG BERCEMAR DULI KE PRABN
- 10 HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT JPS MALAYSIA
- 12 MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENCEGAH BANJIR DI HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB (HRPZ II)
- 14 INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA 2022 (IGEM 2022)
- 16 INTERNATIONAL DAM SAFETY CONFERENCE 2022
- 18 UJIAN STESEN SIREN AMARAN BANJIR DI PULAU PINANG
- 20 MAJLIS PERASMIAN DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) SUNGAI GALING, KUANTAN PAHANG
- 22 MAJLIS KONVOKESYEN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH
- 24 LAWATAN KERJA KP JPS MALAYSIA KE EMPANGAN BATU DAN KLANG GATE
- 26 PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA YANG KE-12
- 28 PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA TAHUN 2022



Dari Tinta

KETUA EDITOR



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera*



Syukur kehadrat ilahi dengan limpah rahmat dan izin-Nya edisi Oktober 2022 berjaya diterbitkan. Edisi kali ini memaparkan banyak aktiviti-aktiviti serta program-program yang menarik telah berlangsung sepanjang bulan Oktober 2022.

Antara Aktiviti dan Program Utama JPS Malaysia pada edisi kali ini adalah Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah sudi bercemar duli ke Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) JPS Ampang pada 6 Oktober 2022. Keberangkatan tiba KDYMM Seri Paduka Tuanku ini bertujuan bagi melihat kesiapsiagaan pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2022/2023. Jabatan amat berbesar hati dan sukacita ke atas perkenan KDYMM Seri Paduka Tuanku bercemar duli ke PRABN.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada seluruh warga Jabatan Pengairan dan Saliran terutamanya yang berbangsa India. Saya juga berharap agar semua jentera dan aset JPS sentiasa bersiapsiaga dan komited untuk menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 dengan memberi maklumat, hebahan dan amaran banjir serta kerahan tenaga sebelum dan semasa banjir yang mungkin akan berlaku di beberapa kawasan diseluruh Negara. Diharap edisi JPS Updates pada kali ini memberi manfaat dan kebaikan untuk dikongsi bersama.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

**Ir. Ts. HAJAH NORLIDA BINTI
MAMAD @ SAMAD**

Pengarah Bahagian Korporat



LAWATAN KP JPS MALAYSIA KE KAWASAN SPANG LOI, SEGAMAT, JOHOR

OLEH : JPS JOHOR

Pada 30 September 2022, YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah membuat lawatan di kawasan Spang Loi, Segamat, Johor bagi persediaan menghadapi bencana banjir tahun 2022.

Lawatan tersebut diadakan bagi memastikan segala persediaan dibuat secara teliti dan rapi bagi mengurangkan risiko kerosakan harta benda awam di kawasan setempat sekiranya berlakunya bencana banjir.

JPS Malaysia komited untuk bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan persediaan menghadapi bencana banjir yang akan datang.



Lawatan di kawasan longkang monsoon sedia ada



Kekal berinformasi melalui aplikasi hujung jari, MyPublic InfoBanjir.

Mudah. Pantas. Terkini.

GET IT ON
 Google Play

Download on the
 App Store



#KEIWAJGA
MALAYSIA



Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia

Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia

@jps_malaysia

@jps_malaysia

www.water.gov.my



SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH JERANTUT, PAHANG

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI

Pada 1 Oktober 2022, Sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) Peringkat Daerah Jerantut, Pahang dan Pra Pelancaran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HSAN) 2022 yang telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) bertempat di Medan Letak Kereta Kuala Tahan, Pahang.

Turut hadir bersama ialah YBrs. Dr Ching Thoo A/L Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan) KASA, YB Ustaz Mohd Zakhwan bin Ahmad Badardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tahan, YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damak, YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, YBrs. En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia, YBrs. Ir. Roslina Binti Yusof, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang, Pegawai-Pegawai Kanan KASA, Pegawai-Pegawai Kanan JPS Malaysia, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pegawai-Pegawai Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 telah disambut dengan tema



Sesi perasmian dan pelancaran HSS dan HSAN

"Waterways in Our Communities – Alur Air Dalam Komuniti". Objektif sambutan Hari Sungai Sedunia adalah untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sumber air yang merangkumi jaminan bekalan air dan sekuriti air serta kebersihan sungai demi kelestarian alam untuk diwariskan kepada generasi masa hadapan.

Semoga sambutan sebegini dapat membuka mata semua pihak mengenai kepentingan memelihara dan memulihara sungai dan sumber air serta peranan masing-masing agar kelestarian alam dapat diperlihara untuk diwariskan kepada generasi masa hadapan.



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

1
Dengar pengumuman melalui media massa atau tunggu arahan



2
Bersedia dengan beg kecemasan



3
Segera berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan apabila diarahkan



4
Berpindah awal sebelum keadaan banjir lebih buruk & sebelum akses terputus oleh air yang semakin meningkat



5
Ikut laluan yang ditentukan, laluan singkat mungkin terhalang



TIP KESELAMATAN BANJIR

6
Pergi ke tempat yang tinggi & selamat



7
Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, tali air & sungai



8
Jangan berenang atau berjalan melalui air yang deras. Air banjir yang bergerak melebihi paras lutut boleh membuat anda jatuh



9
Sekiranya terpaksa berjalan kaki di dalam air banjir, gunakan kayu untuk memeriksa keadaan tanah di hadapan anda



10
Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar



www.nadma.gov.my



Agenси Pengurusan Bencana Negara



@mynadma



NADMA_Malaysia



YANG DI-PERTUAN AGONG BERCEMAR DULI KE PRABN

OLEH : PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

Pada 6 Oktober 2022, Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah bercemar duli ke Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) JPS Ampang. Keberangkatan tiba KDYMM Seri Paduka Tuanku disambut oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia (KKM) dan YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali Ketua Setiausaha Negara.

Lawatan ini bertujuan bagi melihat kesiapsiagaan pihak KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2022/2023. Lawatan ini dimulai dengan sembah ucapan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air dan diteruskan dengan sembah taklimat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Dr Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KASA berkaitan cuaca dan banjir.

Seterusnya oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan menyembahkan taklimat mengenai situasi semasa COVID-19 di Malaysia dan kesiapsiagaan KKM menghadapi banjir.



Keberangkatan tiba Yang Di-Pertuan Agong telah di sambut oleh YB Menteri KASA



Ramah Mesra di Antara YB Menteri KASA, YB Menteri KKM dan KSN



Keberangkatan Tiba Yang Di-Pertuan Agong ke PRABN



Sesi Pembentangan Taklimat kepada Yang Di-Pertuan Agong



Sesi Bergambar selepas Pembentangan Taklimat kepada Yang Di-Pertuan Agong



HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN MALAYSIA

OLEH : KELAB KEBAJIKAN, SUKAN DAN SOSIAL (KESSO) JPS MALAYSIA

Pada 8 Oktober 2022, YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah hadir bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Sukan Negara (HSN) 2022 Peringkat JPS Malaysia di JPS Ampang. Hari Sukan Negara (HSN) telah di isytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan HSN ini merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di mana ia adalah satu langkah proaktif di dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara bersukan.

JPS juga tidak ketinggalan untuk menyambut HSN ini. Pelbagai aktiviti sukan telah adakan seperti senamrobik, pertandingan badminton, bola tampar dan pertandingan futsal serta sukaneka bagi kanak-kanak. Tahniah dan terima kasih kepada warga JPS yang telah hadir ke Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.



Pertandingan Bola Tampar Lelaki



Pertandingan Futsal Lelaki



Salam **MAULIDUR RASUL**

9 Oktober 2022 | 12 Rabiulawal 1444H

IKHLAS DARIPADA

YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh
Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
dan seluruh warga kerja JPS Malaysia.

#KELUARGA
MALAYSIA



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

@jps_malaysia

@jps_malaysia

www.water.gov.my

SIDANG MEDIA

HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENCEGAH BANJIR DI HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB (HRPZ II)

OLEH : BAHAGIAN SALIRAN MESRA ALAM

YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes), JPS Malaysia telah menandatangani dokumen penyerahan siap projek Mencegah Banjir di Kawasan Utama Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu, Kelantan kepada YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang disaksikan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia di HRPZ II Kota Bharu, Kelantan pada 10 Oktober 2022.

Projek ini telah bermula pada 2 Februari 2020 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 30 Ogos 2022 dengan usaha yang gigih, komitmen, pengorbanan masa dan tenaga daripada semua pihak yang terlibat untuk menyiapkan projek ini terutamanya Bahagian Saliran Mesra Alam (BSMA), JPS Malaysia dan JPS Negeri Kelantan. Projek ini merupakan projek perintis Pencegahan banjir menggunakan *Aluminium Removable Flood Barrier* (Penghadang Banjir Aluminium Mudah Alih) yang dilaksanakan di bangunan kerajaan. Projek ini turut dilengkapi kemudahan sistem pam di dalam kawasan hospital bagi mengepam air keluar apabila longkang dalaman dinaiki air.

JPS telah merangka dan melaksanakan kerja-kerja mitigasi jangka pendek dan jangka

panjang dalam pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dengan menggunakan pakai pendekatan struktur dan bukan struktur. JPS Malaysia telah diberi kepercayaan oleh KKM untuk melaksanakan projek tebatan banjir dengan melaksanakan projek mencegah banjir di kawasan utama HRPZ II ini bagi mengurangkan risiko dan kesan banjir selain dapat mengekalkan perkhidmatan kesihatan agar tidak lumpuh semasa musim banjir melanda serta mampu memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pihak pengurusan dan kakitangan hospital serta orang awam.



YB Menteri KKM merasmikan pemasangan *Aluminium Removable Flood Barrier*



Kenali Siren Amaran Awal Banjir



Bunyi Siren Amaran Awal Banjir ini berkeupayaan menjangkau capaian sehingga 1-2 kilometer radius bergantung kepada keadaan topografi setempat.

Siren Amaran Awal Banjir ini juga dipacu oleh tenaga solar sepenuhnya (Off-Grid Solar System)



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

@jps_malaysia

@jps_malaysia

www.water.gov.my

Siren Amaran Awal Banjir JPS mampu memberi amaran awal banjir kepada penduduk setempat secara automatik melalui indikator paras semasa air sungai.

Sistem ini dilengkapi dengan teknologi yang membolehkan pemantauan kejadian banjir secara *real-time monitoring* dilakukan di setiap kawasan yang telah ditempatkan dengan siren tersebut secara 24 jam setiap hari.

Bunyi siren berkeupayaan menjangkau sehingga 1km jarak radius, sekaligus dapat membantu pihak penduduk dan agensi penyelamat memudahkan proses pemindahan dan dapat menyelamatkan banyak nyawa dan harta benda.



INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA 2022 (IGEM 2022)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia telah hadir ke Majlis Perasmian *INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA 2022 (IGEM 2022)* yang telah diadakan pada 13 Oktober 2022 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA).

Program ini telah dianjurkan oleh pihak KASA bersama dengan pihak Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), diadakan secara fizikal selama tiga (3) hari dan merupakan acara *flagship* tahunan sejak dari tahun 2010. Antara tujuan utama penganjuran IGEM ini adalah untuk meningkatkan pembangunan dan potensi perniagaan industri berdasarkan teknologi hijau serta memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan aplikasi teknologi dan amalan hidup hijau.

Selain itu, IGEM merupakan platform yang strategik untuk pihak Kementerian, Jabatan, agensi kerajaan, agensi, pihak swasta atau industri untuk mengetengahkan inisiatif sedia ada atau yang sedang dibangunkan, bertukar pendapat dan mencetuskan idea baru serta menjalankan kerjasama dan perkongsian pintar yang boleh mencipta kaedah penyelesaian melalui aplikasi teknologi hijau.

Tema yang dipilih pada tahun ini ialah “*Race Towards Net Zero : Fulfilling Sustainable Development Goals (SDG) & Environmental, Sosial, and Corporate Governance (ESG) Commitments*” atau “Ke Arah Karbon Sifar Bersih : memenuhi Komitmen matlamat Pembangunan Mampan (SDG) & Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus (ESG)”, yang mana tema ini adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai karbon sifar bersih seawal tahun 2050 yang memenuhi agenda SDG dan ESG kearah pertumbuhan ekonomi negara yang inklusif dan mampan.

Integrity Corner

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"
Bil. 19/2022

Capilah

KEBERKATAN REZEKI

Rezeki berkat : sedikitnya cukup, banyaknya
boleh diagihkan menjadi amal kebajikan

Rezeki tidak berkat: sedikitnya tidak cukup,
banyaknya tidak pernah puas. Umpama meminum
air laut, semakin diminum, semakin haus, tidak
menghilangkan dahaga

International Dam Safety Conference 2022

10th - 12th October 2022, Jaipur, Rajasthan, India



INTERNATIONAL DAM SAFETY CONFERENCE 2022

OLEH : BAHAGIAN REKABANTUK EMPANGAN

YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengetuai delegasi Malaysian National Committee on Large Dams (MYCOLD) ke Jaipur, India untuk menyertai International Dam Safety Conference 2022 dari 10 hingga 13 Oktober 2022. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Honourable Minister Shri Gajendra Singh Shekhawat (*Ministry of Jal Shakti*) iaitu sebuah kementerian baru ditubuhkan dalam tahun 2019 dengan penggabungan *Ministry of Water Resources, River Development and Ganga Rejuvenation & Ministry of Drinking Water and Sanitation*.

MYCOLD telah membentangkan dua (2) kertas kerja oleh Prof Datin Lariyah Mohd Sidek iaitu *Dam Safety Management in Malaysia* dan *Implementation of Dam Safety Emergency Action Plan (EAP)*. YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah dillantik untuk menjadi Co-Chairman di sesi *Dam Policy and Governance* disusuli dengan majlis

menandatangani MOU antara MYCOLD dan INCOLD yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Mr. Shri R.K. Vishnoi President INCOLD disaksikan oleh President International Commission on Large Dams (ICOLD) Mr. Michel Lino.

Pelbagai aktiviti dan program dua (2) hala dirancang akan diadakan dalam masa terdekat seperti persidangan antarabangsa, R&D, Akta Keselamatan Empangan dan sebagainya. Pihak ICOLD dan INCOLD juga bersetuju untuk menyertai dua (2) persidangan yang akan diadakan dari 14 hingga 16 Mac 2023 iaitu Asia 2023: *Water Resources and Renewable Energy Development in Asia* dan *International Conference on Dam Safety Management & Engineering 2023* dari 16 hingga 17 Mac di Kuala Lumpur.

TAHANIAH!

LAPORAN PENCAPAIAN OUTCOME
PROGRAM/PROJEK

PROJEK PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI PAHANG, DAERAH PEKAN, PAHANG

Pematuhan Metodologi Pencapaian Outcome
92.00% **92.00%**

*Pencapaian output dan outcome melebihi sasaran dengan ketara.
Memberikan kesan yang sangat besar kepada golongan sasar.*

OLEH:

**JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN
OUTCOME (JKPO) 2020 ICU JPM**

www.water.gov.my



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



@jps_malaysia



@jps_malaysia



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Setinggi-tinggi Tahniah dan Syabas diucapkan

kepada Bahagian Pengurusan Zon Pantai (BPZP), JPS Negeri Pahang dan Unit Pelaksanaan Projek Persekutuan (UPPP) Pahang selaku pejabat pemilik dan pelaksana bagi Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang (Fasa 3) Daerah Pekan, Pahang di atas Pencapaian Outcome Projek bagi Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) 2020 Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dengan markah penilaian sebanyak 92.00% bagi Pematuhan Metodologi dan Pencapaian Outcome.

Skop Projek:

- i. Pembinaan struktur pemecah ombak di muara Sungai Pahang;
- ii. Pembinaan struktur river dykes bertujuan untuk mengecilkan laluan muara sungai di antara 2 buah pemecah ombak utara dan selatan bagi memudahkan pergerakan air sungai terus ke laut dengan lancar;
- iii. Pengerukan muara sungai untuk membuang mendapan pasir dan seterusnya melancarkan pergerakan bot-bot nelayan yang menggunakan muara tersebut.

Faedah Projek:

- i. Pengurangan risiko banjir kepada penduduk di Kampung Tanjung Agas dan Bandar Pekan serta kawasan sekitarnya;
- ii. Perlindungan kepada nelayan dan bot daripada pukulan ombak;
- iii. Pengekalan kedalaman minima laluan pelayaran;
- iv. Peningkatan hasil tangkapan nelayan.

Tarikh : 14 Oktober 2022



UJIAN STESEN SIREN AMARAN BANJIR DI PULAU PINANG

OLEH : PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

Bagi memastikan stesen siren amaran banjir sentiasa berfungsi dengan baik, Pusat Ramalan Amaran Banjir Negara (PRABN), JPS Negeri Pulau Pinang Bersama pihak Kontraktor yang telah dilantik telah melakukan pengujian sistem siren bagi menguji sistem siren amaran banjir di Stesen Siren Desa Puri, Sungai Jarak, Pulau Pinang (Stesen ID: PSPU0020) pada 19 Oktober 2022.

Pembinaan Stesen Siren ini adalah merupakan salah satu program di bawah Program Ramalan Dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa 2 Bagi Negeri Pulau Pinang yang baru di bangunkan bagi tujuan memberi amaran banjir yang lebih efisien dan sistematik.



Sesi Taklimat Sebelum Pengujian Sistem Siren Amaran Banjir Dijalankan



Stesen Telemetri Hidrologi mencerap data Hidrologi sebanyak 288 Kali dalam tempoh 1 hari. Manakala sebanyak 96 Kali akan menghantar data serta kemaskini data ke public portal iaitu pada setiap 15 minit setiap hari selama 365 hari tanpa henti

Sebanyak 103,680 data di cerap dalam tempoh 1 tahun bagi 1 Stesen telemetri. Dianggarkan sebanyak 34,560 Kali data di hantar ke server portal selama 1 tahun.

Untuk melihat maklumat data hujan & aras air sila layari laman sesawang :

<https://publicinfobanjir.water.gov.my/?lang=en>



MAJLIS PERASMIAN DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) SUNGAI GALING, KUANTAN PAHANG

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI

Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah merasmikan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sungai Galing, Kuantan, Pahang pada 21 Oktober 2022. Turut hadir bersama YH Dato' Hamdan bin Hussin, Datuk Bandar, Majlis Perbandaran Kuantan, YBrs. Dr. Ching Thoo A/I Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan) KASA, YBrs. Pn Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) KASA, YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Hj. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah, JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia, YBrs. Ir. Roslina binti Yusop, Pengarah JPS Negeri Pahang, Pegawai-pegawai KASA dan JPS Malaysia.

Program DSK merupakan satu pendekatan strategik yang telah dilaksanakan oleh KASA bagi menangani cabaran sosio-alam sekitar melalui pengurusan dan penggunaan alam yang lestari menggunakan pendekatan *nature-baseds* Solution. Program DSK mensasarkan pembinaan 10,000km panjang denai di sepanjang jajaran sungai, kolam, atau badan air seluruh negara pada tahun 2030.

Satu program kayuhan berbasikal dan penanaman pokok telah diadakan sebagai simbolik perasmian Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sungai Galing, Kuantan, Pahang.



Program Kayuhan Sepanjang Denai Sungai



Program Penanaman Pokok

**SAMBUTAN HARI
ALAM SEKITAR
NEGARA 2022**



Selamat, **HARI
ALAM SEKITAR
NEGARA**
21 Oktober 2022



**#KELUARGA
MALAYSIA**

| f | | | | | KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

| KASAMALAYSIA #ALAMSEKITARTANGGUNGJAWABBERSAMA



Majlis Konvokeyan

9

GAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) Kali Ke-

Tan
K

25
Besar,

Sel
tra M

Diktiraf oleh:



SPRM



UPM



PPA



SPRM

UPM

PPA

MAJLIS KONVOKEYAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

OLEH : UNIT INTEGRITI

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merasmikan Majlis Konvokeyan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali Ke-9 Tahun 2022 pada 25 Oktober 2022 bertempat di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) Universiti Putra Malaysia (UPM). Turut hadir bersama YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Seramai dua (2) orang wakil JPS telah menerima pentaulianan ini. Tahniah diucapkan kepada En. Mohamad Nazrizal bin Noor dan Ir. Mohd Shahrulnizam bin Mat Rani diatas penganugerahan dan pertaulihan

sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).



Sekitar Majlis Perasmian Konvokeyan CeIO



Selamat Menyambut Deepavali 2022

IKHLAS DARIPADA
YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh
Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
dan seluruh warga kerja JPS Malaysia.



23/10/2022



#KELUARGA
MALAYSIA

Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia

Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia

@jps_malaysia

@jps_malaysia

www.water.gov.my



LAWATAN KERJA KP JPS MALAYSIA KE EMPANGAN BATU DAN KLANG GATE

OLEH : BAHAGIAN REKABENTUK EMPANGAN

Pada 27 Oktober 2022, YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Empangan Batu dan Klang Gate sebagai persiapan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 serta memastikan operasi empangan berfungsi dengan baik.

Turut hadir bersama En. Mohd. Azmin bin Hussin Pengarah JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir. Hj. Md. Khuzai bin Hussain, Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan, Ir. Ts. Ahmad Shahrir bin Md. Naziri, Pengarah Operasi Pusat Kawalan SMART, Tuan Hj. Zul bin Mohammad, Pengarah Operasi Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK) dan pegawai-pegawai daripada JPS Bahagian. JPS Malaysia sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



Sesi Taklimat di Empangan Batu



Sesi Bergambar di Empangan Klang Gate



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

PERSEDIAAN **SEBELUM BANJIR**



PEKA TERHADAP
AMARAN BANJIR



SIMPAN
DOKUMEN PENTING



SEDIAKAN
BEG KECEMASAN



BERSEDAI UNTUK
BERPINDAH SEKIRANYA
DIARAHKAN PIHAK BERKUASA



www.nadma.gov.my



Agenzi Pengurusan Bencana Negara



@mynadma



NADMA_Malaysia



PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA YANG KE-12

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh telah menghadiri Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang ke-12 bermula 28 hingga 30 Oktober 2022 yang diadakan di negeri Pahang. Program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC).

Turut Hadir program ini adalah YAB Dato' Sri Hj. Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, barisan Exco Negeri Pahang serta pegawai-pegawai tertinggi Jabatan serta Agensi. Terima kasih kepada Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang merupakan Kementerian peneraju bagi edisi kali ini.



Majlis Perasmian sebelum acara berbasikal



Pelepasan acara berbasikal



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

LANGKAH-LANGKAH DILAKUKAN **SEMASA BANJIR**



DAPATKAN MAKLUMAT SITUASI TERKINI **SUMBER YANG SAHIH**

- Amaran Cuaca: Jabatan Meteorologi Malaysia
- Amaran Banjir: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



BERPINDAH SEGERA APABILA DIARAHKAN



JANGAN SENTUH SEBARANG PERANTI ELEKTRIK DALAM KEADAAN BASAH



JANGAN CUBA HARUNGI AIR DERAS



www.nadma.gov.my



Agenzi Pengurusan Bencana Negara



@mynadma



NADMA_Malaysia



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN MLAYAISA TAHUN 2022

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Program Transformasi Minda (PTM) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah diadakan pada 16 hingga 19 Oktober 2022 bertempat di Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI) Zon Timur, Kota Bharu, Kelantan.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 56 orang pegawai baharu yang terdiri daripada Jurutera, J41 dan Penolong Jurutera, JA 29.

Program ini merupakan salah satu program yang wajib dihadiri oleh semua penjawat Awam sebagai syarat untuk pengesahan jawatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).



Sesi Taklimat/ Kuliah Semasa Program Tranformasi Minda

Integrity Corner

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"
Bil. 20/2022

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM

Tanggungjawab Pegawai Awam

- Melaksanakan tugas dengan cekap
- Jujur dan amanah
- Bertanggungjawab serta berintegriti
- Meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan sendiri
- Tidak menggunakan kedudukan awam bagi faedah sendiri
- Menjaga imej perkhidmatan awam
- Tidak cuai melaksanakan tugas

Tanggungjawab Ketua Jabatan

- Memastikan setiap Pegawai di bawah seliaan masing-masing memahami, menghayati dan mematuhi peringatan dan penjelasan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- Bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas Pegawai dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan, Aku Janji atau peraturan yang berkuat kuasa kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk diambil tindakan tatatertib



Bacaan Aras Sungai Semasa

Stesen Telemetri Hujan

ARAS BAHAYA

ARAS AMARAN

ARAS WASPADA

ARAS NORMAL

ARAS BAHAYA

Aras air sungai mula melimpah dan akan mengakibatkan banjir.

ARAS AMARAN

Aras air sungai meningkat dan menghampiri aras banjir.

ARAS WASPADA

Aras air sungai mula meningkat dari aras normal sungai.



Bacaan Keamatan Hujan Semasa

Stesen Telemetri Hujan

Kategori Keamatan Hujan (Dalam Satu Jam)

	Renyai	1 - 10mm
	Sederhana Lebat	11 - 30mm
	Lebat	30 - 60mm
	Sangat Lebat	melebihi 60mm

Ketahui keamatan hujan di kawasan sekitar anda melalui aplikasi atau laman sesawang Public InfoBanjir: <http://publicinfobanjir.water.gov.my>

JPS UPDATES

EDISI OKTOBER 2022

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JALAN SULTAN SALAHUDDIN

50626 KUALA LUMPUR

MALAYSIA

Tel: 03-2616 1500 | Faks: 03-2697 2411, 2585, 2412



: www.water.gov.my



: pro@water.gov.my



: [jpsmalaysia](#)



: JPS Malaysia



: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - Dept. of Irrigation and Drainage